

18 DEC 1998

JEPUN-BANTUAN/I

BANTUAN ODA JEPUN AKAN DIBERI KPD TUJUH PROJEK

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Bantuan pembangunan rasmi (ODA) Jepun sebanyak AS\$1 bilion kepada Malaysia akan diberikan kepada tujuh projek di bawah bahagian-bahagian utama, kata Duta Jepun ke Malaysia Issei Nomura, hari ini.

Ia termasuklah pembangunan sumber manusia (Dasar Pandang Ke Timur, Dana Pendidikan Tinggi atau HELP II dan Universiti Malaysia, Sarawak (Unimas)), perlindungan alam sekitar (Empangan Beris, pemindahan air mentah Pahang-Selangor, loji kuasa Port Dickson) dan pembangunan industri kecil sederhana (Dana Pembangunan SMI).

Pakej itu akan menggunakan kadar faedah menguntungkan sebanyak 0.75 peratus kepada semua projek kecuali bagi empangan Beris (1.7 peratus), kata Nomura, sambil menambah rundingan intensif antara kedua-dua pihak berlangsung sejak Ogos lalu.

Beliau berkata demikian di satu sidang akhbar mengenai pakej bantuan kewangan.

ODA adalah sebahagian daripada pakej bantuan kewangan bernilai AS\$2 bilion (AS\$1 = RM3.8) yang juga termasuk Pinjaman Exim Bank Jepun (AS\$500 juta) dan pinjaman bank perdagangan yang dijamin oleh kerajaan Jepun (AS\$560 juta).

Pakej untuk membantu pemulihan ekonomi Malaysia itu diumumkan oleh Perdana Menteri Keizo Obuchi di Hanoi pada 15 Dis ketika mesyuarat dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Nomura berkata pinjaman Exim Bank adalah dalam bentuk pinjaman dua langkah bagi industri promosi eksport dan usaha-usaha dipergiatkan untuk memuktamadkan AS\$300 juta daripada AS\$500 juta dengan segera.

Pinjaman bank perdagangan bernilai AS\$560 juta itu adalah bagi pembangunan prasarana, katanya, sambil menambah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan menyediakan jaminan bagi pinjaman daripada Sumitomo Bank kepada Malaysia.

Perjanjian pinjaman itu dirumuskan pada 16 Dis manakala pembayarannya akan dibuat pada 21 Dis. Tempoh pembayaran semula pinjaman adalah lima tahun pada kadar faedah 3.5 peratus.

Nomura berkata pakej bantuan itu adalah berasingan daripada "Pelan Miyazawa Baru" kerana rundingan bagi pinjaman yen ODA, pinjaman Exim Bank dan jaminan pinjaman bank perdagangan bermula sebelum Inisiatif Miyazawa Baru diumumkan.

Di bawah ODA, 14.026 bilion yen (RM30.7 bagi 100 yen) akan diperuntukkan untuk membiayai biasiswa bagi program belajar di Jepun manakala 8.212 bilion yen di bawah HELP II adalah untuk membiayai biasiswa bagi 440 pelajar untuk dihantar ke Jepun dalam bidang sains kejuruteraan selain pemerolehan kelengkapan pendidikan dan perkhidmatan runding cara.

Pembinaan empangan Beris dan pindahan air mentah Pahang-Selangor masing-masing membabitkan 9.737 bilion yen dan 1.093 bilion yen, manakala 49.087 bilion yen diperuntukkan untuk memulihkan Loji Kuasa Port Dickson (Tuanku Jaafar) dengan menukarkan kuasa membakar minyak kepada kuasa kitaran gabungan.

Bagi pembinaan kampus baru untuk Universiti Malaysia, ia membabitkan 18.549 juta yen dan baki 16.296 bilion yen adalah bagi Dana Pembangunan IKS.

-- BERNAMA

SHO ZK

